

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**IDEA DAN PENDEKATAN SENI BINA MELAYU MODEN  
DALAM KALANGAN ARKITEK MALAYSIA**

Oleh

**AZMAL BIN SABIL**

**September 2019**

**Pengerusi : Profesor Madya Nangkula Utaberta, PhD**

**Fakulti : Rekabentuk dan Senibina**

Pengadaptasian nilai rekabentuk seni bina Melayu tradisional kepada bangunan moden telah diwrtakan sebagai salah satu jalan di dalam membina bahasa identiti seni bina kebangsaan seperti yang telah dinyatakan di dalam 'Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina' pada tahun 1981. Sungguhpun mendapat galakan daripada kerajaan, jumlah pembangunan rekabentuk bangunan baru yang mengadaptasi nilai warisan seni bina Melayu tradisional masih kecil, malah daripada jumlah yang kecil ini, hanya segelintir daripadanya diklasifikasi mempunyai kualiti rekabentuk yang baik. Walaupun pembudayaan nilai tradisional pada pembangunan moden dilihat penting bagi membina karakter identiti negara, pengaruh modenisasi tidak harus diabaikan, khususnya modenisasi masyarakat Melayu. Justeru, sangat penting untuk menjustifikasi hubungan di antara tradisional dan moden, serta apakah aspek yang penting bagi mengimbangi kerangka tradisional dan moden pada pendekatan seni bina hari ini. Kajian ini menilai dan menstruktur semula apakah yang dimaksudkan dengan 'seni bina melayu moden' di dalam konteks masyarakat hari ini. Kajian ini dilaksana dengan motodologi kualitatif. Empat orang pakar seni bina di Malaysia ditemubual, melibatkan perbincangan mengenai rekabentuk 17 buah bangunan terkemuka di Malaysia, disamping sejumlah sumber bahan bacaan telah dijadikan sebagai data utama kajian ini. Didapati, pakar-pakar seni bina yang ditemubual mempunyai pandangan yang berbeza terhadap pemahaman seni bina melayu moden. Sebahagiannya melihat seni bina melayu moden dari aspek perkembangan sosial, manakala sebahagian menilainya dari aspek fizikal rekabentuk. Di samping itu, tipologi bangunan seni bina melayu moden pula dibentuk dari kerangka seni bina moden klasikal di Barat, di mana kesemua 17 bangunan ini telah diklasifikasi mengikut kerangka ini. Di dalam konteks kajian ini juga, seni bina Melayu moden dicadangkan untuk didefinisi berdasarkan pengadaptasian pelbagai konsep Melayu yang wujud pada hari ini dan penilaian semula karakter sosio-budaya masyarakat melayu pada hari ini kepada pembangunan rekabentuk seni bina Melayu moden. Kajian ini diharap akan dapat memberi impak di

dalam merevolusi pemikiran seni bina Melayu moden di masa akan datang, seterusnya menjadi jambatan kepada pembangunan identiti seni bina nasional yang lebih mapan dan komprehensif.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**IDEAS AND APPROACHES OF MODERN MALAY ARCHITECTURE  
AMONG ARCHITECTS IN MALAYSIA**

By

**AZMAL BIN SABIL**

**September 2019**

**Chair: Associate Professor Nangkula Utaberta, PhD**  
**Faculty: Design and Architecture**

The ideas in adapting Malay traditional architecture values have been gazetted as one of the resolutions for National Architecture Identity as presented in 'Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina' in 1981. Despite the encouragement from the government, the adaptations of Malay traditional architecture values into the design of modern buildings are still small in numbers. On top of these small numbers, just a few of them are considered appropriately transformed. Even though the culture of transforming Malay traditional architecture into modern architecture is crucial in developing national architecture identity, the influence of the modernization has to be considered, specifically the modernization of Malay society. Hence, it is crucial to justify the relationship between the traditional and modern construct, and what is the important aspect of modern tradition that should reflect in today's architecture. This research evaluated and restructuring back the definition of 'modern Malay architecture in the context of today society — this research conducted in the qualitative method. Four architecture expert was interviewed, and involving the discussion notable buildings design, and various source of readings have been collected as primary data for this research. The findings show that the experts had a different point of views in defining modern Malay architecture, where some of them are looking into social development aspect, while the others are concerning more on a physical characteristic of the building. Besides that, the typology of modern Malay architecture buildings developed, where all 17 buildings are classified by following the framework of current classicism typology in the west. In the context of this research, the definition of modern Malay architecture is suggested to adapting the various existing concepts of modern Malay, and socio-cultural characteristic of today's Malay to the design development of Modern Malay architecture. The impact of this research is crucial in revolutionizing thoughts of modern Malay architecture in the future, as well as become the bridge in developing the comprehensive constructs of national architecture identity.

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, yang menggenggam apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi serta dengan segala izin dan hidayah dari-Nya, maka Tesis ini dapat selesai sebagai mana mestinya. Selawat dan salam semoga sentiasa tercurah kepada Rasulullah Muhammad SAW serta seluruh keluarga, sahabat, dan orang-orang yang istiqamah di jalannya hingga akhir zaman.

Terdahulunya, setinggi penghargaan ditujukan kepada pihak penaja utama, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, di bawah program Skim Tenaga Akademik Baru di atas tajaan, latihan dan sokongan sepanjang perlaksanaan tesis ini. Disamping itu, setinggi penghargaan juga ditujukan kepada pihak Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Putra Malaysia di atas penganugerahan geran penyelidikan Inisiatif Putra Siswazah, di bawah tajuk projek '*Critical analysis of Malay traditional architecture values, design and thought in Malaysia modern built environment*', pusat kos 9577300 di atas dana yang diberikan terhadap penyelidikan ini

Penghargaan, penghormatan dan ucapan terima kasih sebesar-besarnya saya sampaikan kepada pengurus ahli jawatankuasa penyeliaan, Profesor Madya Dr. Nangkula Utaberta atas segala bimbingan, nasihat, arahan dan dorongannya dalam penyelesaian tesis ini. Penghargaan, penghormatan dan ucapan terima kasih yang sama juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan, Profesor Madya Dr. Sumarni Binti Ismail dan Profesor Madya LAr. Dr. Nor Atiah Ismail, atas segala kritikan dan saranan yang membangun selama proses penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih kepada ahli keluarga kecilku yang banyak berkorban serta menjadi inspirasi utama, iaitu Isteri tercinta Siti Shareeda Binti Ya'akop dan juga anak-anak ayah, Afif Bin Azmal dan Aqil Bin Azmal. Setinggi penghargaan juga ditujukan kepada ibunda tercinta Azni binti Bahar di atas dorongan dan doa yang berpanjangan, serta saudara darah dagingku, Asri Bin Sabil, Asrul Bin Sabil dan Asniati Binti Sabil. Tidak juga dilupa kepada Allahyarham arwah ayahanda, Haji Sabil bin Habib. Semoga rohnya dicucuri rahmat.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga sampaikan kepada pihak-pihak yang banyak membantu alam urusan pencarian maklumat, terutamanya empat pakar seni bina yang ditemubual, Prof. Dr Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi , Ar. Hijas Kasturi, Ar. Razin Mahmood dan Ar. Dr. Mastor Surat yang telah menyumbangkan idea dan pemikiran mereka sepanjang perlaksanaan tesis ini. Di samping itu, terima kasih juga kepada rakan seperjuangan Dr. Nayeem Asif di atas sokongan, pandangan dan kritikan sepanjang menjalankan penyelidikan.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada pihak pentadbiran Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia yang telah banyak membantu pengkaji di dalam urusan administrasi, terutamanya Puan. Nursyida Mansor dan Puan Sabariah Ahmad di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada pelbagai pihak yang telah membantu selama proses penghasilan tesis ini, semoga Allah membalas kebaikan hati anda semua dan menaungi dengan rahmat-Nya.



PTTA UTM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 13 September 2019 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Azmal Bin Sabil bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Idea dan Pendekatan Seni Bina Melayu Moden di Semenanjung Dalam Kalangan Arkitek Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Mohamad Fakri Zaky Ja'afar, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Suhardi Maulan, PhD**

Profesor Madya, LAr.

Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Ahmad Hariza Hashim, PhD**

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Gagoek Hardiman, PhD**

Profesor

Jabatan Seni Bina, Fakulti Kejuruteraan

Universitas Diponegoro

Indonesia

(Pemeriksa Luar)

**Zuriati Ahmad Zukarnain, PhD**

Profesor dan TimbalanDekan

SekolahPengajianSiswazah

Universiti Putra Malaysia.

Tarikh: 3 Mac 2020

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nangkula Utaberta, PhD**  
Profesor Madya, Ir.  
Fakulti Rekabentuk dan Senibina  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nor Atiah Ismail, PhD**  
Profesor Madya, LAr.  
Fakulti Rekabentuk dan Senibina  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Sumarni Ismail, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Rekabentuk dan Senibina  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**  
Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 3 Mac 2020

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: 23 Januari 2020

Nama dan No. Matrik: Azmal Bin Sabil, GS45978

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam KaedahKaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

\_\_\_\_\_

Profesor Madya Dr. Nangkula Utaberta

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

\_\_\_\_\_

Profesor Madya Dr. Sumarni Binti Ismail

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

\_\_\_\_\_

Profesor Madya LAr. Dr. Nor Atiah Ismail

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix

## BAB

<b>1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Latar Belakang kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Struktur Kajian	11
<b>2 KAJIAN LITERATUR</b>	6
2.1 Pengenalan	6
2.2 Perkembangan Masyarakat Melayu di Malaysia	
2.2.1 Konsep Melayu Moden Berdasarkan Islam	14
2.2.2 Kritikan dan Cadangan dalam Pembangunan Konsep Melayu Moden pada Hari ini	19
2.2.3 Pengadaptasian Konsep Melayu Moden ke dalam Pembangunan Bahasa Seni Bina Melayu Moden	21
2.3 Perkembangan Seni Bina di Malaysia	23
2.3.1 Perkembangan Seni Bina Melayu Tradisional di Malaysia	25
2.3.3 Cubaan Awal Modernisasi seni bina Melayu Tradisional di zaman pasca kemerdekaan	29
2.4 Perkembangan Seni Bina di Barat	31
2.4.1 Modernisasi seni bina barat	32
2.4.2 Seni Bina Moden Klasikal	33
2.4.3 Seni Bina Neo-Klasikal	38
2.4.4 Gothik Revivalisme	41

2.4.5	Bahasa Seni Bina Baru	42
2.4.6	Seni Bina Moden di Hujung Kurun ke-19 dan Awal Kurun ke-20	44
2.5	Keperluan Pemikiran Semula Seni Bina Melayu Moden - Pembelajaran Dari Perkembangan Seni Bina Bara	53
2.6	Pengenalan Kepada Model Tipologi Modernisasi Seni Bina Tradisi – Tipologi Seni Bina Klasikal Semasa (Current Classicsm)	56
2.6.1	Ironic Classicsm	57
2.6.2	Latent Classicsm	58
2.6.3	Fundamentalist Classicism	58
2.6.4	Canonic Classicism	59
2.6.5	Modern Traditionalism	60
2.7	Pembangunan Kerangka Teori Bagi Kajian Seni Bina Melayu Moden di Malaysia	60
2.7.1	Kajian Dokumentasi Elemen Warisan Seni Bina Melayu	61
2.7.2	Kajian Dokumentasi Nilai dan Falsafah Rekabentuk Warisan Seni Bina Melayu	62
2.7.3	Jurang Penyelidikan Seni Bina Melayu Moden dan Kerangka Teori Kajian	64
2.8	Kesimpulan	66
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	67
3.1	Pengenalan	67
3.2	Rekabentuk Penyelidikan	67
3.3	Falsafah Kajian	70
3.4	Pendekatan Kajian	71
3.5	Strategi Perlaksanaan Kajian	72
3.4.1	Pendapat Pakar	72
3.4.2	Kajian Kes Berdasarkan Model Tipologi ‘Current Classicsm’	74
3.6	Tempoh Masa dan Pengumpulan Data	78
3.6.1	Pemilihan Pakar Seni Bina	79
3.6.2	Pemilihan Bangunan Kajian	82
3.7	Analisis Data	85
3.7.1	Teknik Analisis Kandungan	85
3.7.2	Teknik Analisis Berdasarkan Kaedah Kajian Sejarah	86
3.8	Kesimpulan	88
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	89
4.1	Pengenalan	89
4.2	Pemikiran Seni Bina Melayu Moden Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi	89
4.2.1	Pemikiran Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi Terhadap Seni	89

	Bina Melayu Tradisional	
4.2.2	Pemikiran Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi Terhadap Seni Bina Melayu Moden	93
4.3	Pemikiran Seni Bina Melayu Moden Razin Mahmood	102
4.3.1	Pemikiran Razin Mahmood Terhadap Seni Bina Melayu Tradisional	102
4.3.2	Pemikiran Razin Mahmood Terhadap Seni Bina Melayu Moden	105
4.4	Pemikiran Seni Bina Melayu Moden Hijjas Kasturi	115
4.4.1	Pemikiran Hijjas Kasturi Terhadap Seni Bina Melayu Tradisional	115
4.4.2	Pemikiran Hijjas Kasturi Terhadap Seni Bina Melayu Moden	120
4.5	Pemikiran Seni Bina Melayu Moden Mastor Surat	128
4.5.1	Pemikiran Mastor Surat terhadap Seni Bina Melayu Tradisional	128
4.5.2	Pemikiran Mastor Surat terhadap Seni Bina Melayu Moden	130
4.6	Kesimpulan	134
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	135
5.2	Konsep dan Idea Seni Bina Melayu Moden Pakar Seni Bina yang Ditemubual	135
5.2.1	Analisis Pemikiran Pakar Seni Bina Yang Ditemubual Berkenaan Seni Bina Melayu Moden	135
5.2.2	Perbincangan Mengenai Pemikiran Pakar Seni Bina Yang Ditemubual Berkenaan Seni Bina Melayu Moden	138
5.3	Cadangan Tipologi Bangunan Seni Bina Melayu Moden di Malaysia	143
5.3.1	Seni Bina Melayu Semiotik	143
5.3.2	Seni Bina Melayu Laten	146
5.3.3	Seni Bina Melayu Intrinsik	148
5.3.4	Seni Bina Melayu Konservatif	150
5.3.5	Seni Bina Melayu Eklektik	151
5.4	Cadangan Pendefinisian Seni Bina Melayu Moden di Malaysia	152
5.5	Kesimpulan	156

<b>6</b>	<b>KESIMPULAN</b>	157
6.1	Pengenalan	157
6.2	Rumusan Kajian	157
6.3	Limitasi dan Kajian Lanjutan	162
<b>RUJUKAN</b>		163
<b>LAMPIRAN</b>		172
<b>BIODATA PELAJAR</b>		204
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		205



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI GAMBAR

<b>Gambar</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Rumah Melayu tradisional milik Penghulu Seman. Rekabentuk rumah ini merupakan contoh kepada kesempurnaan rekabentuk rumah Melayu tradisional	27
2.2	Masjid Tengkera yang terletak di Melaka, integrasi pengaruh rekabentuk masjid Jawa dan ornamentasi oriental	28
2.3	Bangunan Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur yang direkabentuk dengan pendekatan revivalisme seni bina Melayu tradisional	31
2.4	Cathedral of Florence yang direkabentuk oleh Filippo Brunelleschi	33
2.5	Palazzo del Te, rekaan Giulio Romano (Kiri), Laurentian Library rekaan Michelangelo Buonarroti (Kanan)	35
2.6	Basilica Vicenza, rekaan Andrea Palladio yang menerapkan elemen semangat ‘humanisme’ pada ketika itu	36
2.7	Villa Barbaro, bangunan vila yang direkabentuk oleh Andrea Palladio dengan rekabentuk fasad yang terdiri daripada empat tiang ionic yang diinspirasi daripada rekabentuk bangunan Temple of Fortuna Virilis	37
2.8	‘The Primitive Hut’, karya Antoine Laugier yang memperkenalkan konsep rasionalisme di dalam struktur binaan berdasarkan asas ketamadunan Yunani	39
2.9	‘Cenotaph Newton’ (Kiri), karya Etienne-Louis Boullée yang direkabentuk menggunakan bentuk sfera penuh sebagai lambang kesempurnaan rekabentuk dan ‘Barriere De La Villette’ (kanan) karya Claude-Nicolas Ledoux yang menggabungkan rekabentuk geometri asas sebagai bentuk ‘massing’ bangunan tersebut	41
2.10	Rekabentuk ‘soil of the age’, bangunan Les Halles (kiri) dan Crystal Palace (kanan) yang membawa semangat rekabentuk berdasarkan revolusi perindustrian pada ketika itu.	43
2.11	‘Concert Hall’, ragam rekabentuk yang diperkenalkan oleh Viollet-le-Duc, yang dipengaruhi karakter rekabentuk zaman pertengahan.	45
2.12	Lakaran Le Corbusier mengenai abstrak pengadaptasian bentuk geometri daripada lukisan seni bina klasikal Rom	46

2.13	Sagrada Familia, salah satu karya rekabentuk Antonio Gaudi yang mengeksploitasi penggunaan konkrit bagi melahirkan rekabentuk dramatik dan penuh ekspresi	47
2.14	Wainwright Tower (Kiri), bangunan pencakar langit yang direkabentuk oleh Louis Sullivan, Seagram Tower (kanan), direkabentuk oleh Mies Van der Rohe	48
2.15	Penggunaan optimum bahan kaca pada Barcelona Pavilion (kiri) yang direkabentuk oleh Mies Van der Rohe, serta penggunaan kaca secara fungsional oleh Le Corbusier pada Villa Savoye (Kanan)	49
2.16	The Red House, salah satu produk seni bina hasil dari gerakan Art and Craft, direkabentuk oleh Philip Web	50
2.17	Letupan beberapa buah blok bangunan flat Pruitt-Igoe yang dikaitkan sebagai kegagalan pendekatan seni bina moden pada struktur sosial masyarakat pada masa itu	52
2.18	House In Delaware, salah satu rekaan 'decorated shed' Robert Venturi	57
2.19	Amvest Headquarters, rekaan Jaquelin Robertson yang mengadaptasi bentuk bangunan seni bina Palladian	58
2.20	San Cataldo Cemetery, bangunan rekaan Aldo Rossi yang direka dengan kombinasi bentuk asas geometri	59
2.21	Howard Building, Downing College, Cambridge yang direka oleh Erith dan Terry	59
2.22	American Academy Of Pediatrics yang direka oleh Thomas Beeby	60
4.1	Istana Sultan Abu Bakar (Kiri) dan Masjid Sultan Abu Bakar (Kanan) yang direkabentuk menggunakan bahasa seni bina klasikal. Bangunan ini diklasifikasi sebagai warisan seni bina Melayu Zaman Kolinial oleh Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi	97
4.2	Surau Nusajaya Rekaan Razin Mahmood, dibina secara praktikal, mencerminkan nilai 'responsibility' Razin Mahmood di dalam rekaannya.	107
4.3	Denai House, Kediaman Razin Mahmood yang direkabentuk berinspirasikan elemen seni bina Melayu tradisional. Kelihatan penggunaan Jendela labuh dan anjung terbuka di bahagian bawah.	110
4.4	CIDB Headquarters, antara bangunan rekaan Razin Mahmood yang direkabentuk berinspirasikan elemen seni bina Melayu tradisional.	111

4.5	Menara Tabung Haji. Bangunan ini dibina ‘berpanggung’ daripada tanah. Di bahagian aras lantai, dindingnya dibina dari kaca bagi membenarkan pandangan ke ruangan dalam, dan mengelakkan kewujudan ini menganggu persekitaran jika berdiri di aras lantai.	124
4.6	Rekabentuk bangunan menara Maybank, dilambangkan oleh masyarakat umum sebagai keris.	125
4.7	Atas (Kiri dan kanan) bangunan Boh Visitting Centre, Bawah (Kiri) Kiosk ekoniaga UKM, Bawah (Kanan) Blok Tambahan Sekolah Teluk Mas.	133
5.1	Bangunan Sasana Kijang, rekaan Hijjas Kasturi yang diinspirasi daripada motif fabrik songket pada bahagian fasadnya	144
5.2	Perpustakaan Negara, menjadikan tengkolok sebagai perlambangan rekabentuk bangunan ini	145
5.3	Muzium Negara, menerapkan milai rekabentuk seni bina Melayu tradisional secara minima	145
5.4	Rimbun Dahan, kediaman Hijjas Kasturi yang juga direkabentuk olehnya sendiri. Bentuk curam bumbung Melayu menyerlah karakter keMelayuan pada bangunan ini.	146
5.5	Rumah Sepang, rekaan Eleena Jamil. Bentuk kasar bangunan Melayu tradisional dapat dilihat melalui kecerunan rekabentuk bumbung dan karakter ‘berpanggung’ pada bahagian atas bangunan kediaman ini.	147
5.6	Sekolah Desa Mahkota rekaan Eleena Jamil. Karakter rekabentuk bumbung curam bangunan sekolah ini menonjolkan karakter bumbung curam pada seni bina Melayu tradisional	147
5.7	(atas kiri) Denai House, (atas kanan) Surau Nusajaya, (bawah) CIDB Headquarters, rekaan Razin Mahmood yang direkabentuk menggunakan bentuk asas geometri.	148
5.8	BOH Visiting Centre, rekaan Mastor Surat yang direkabentuk menggunakan bentuk asas geometri disamping penerapan elemen hijau alam sekitar pada binaan dinding.	149
5.9	Masjid Negara, rekaan Baharuddin Abdul Kassim yang menerapkan elemen geometri pada rekaan bumbung.	149
5.10	Salinger House, rekaan Jimmy CS Lim	150
5.11	(Kiri) Bangunan Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC), (kanan) Bangunan Bank Bumiputera rekaan Kumpulan Arkitek.	151

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Pemikiran seni bina Melayu moden yang seharusnya bersifat dinamik dan berhubung secara lansung dengan skorpus yang luas, termasuklah nilai tradisional, nilai keterbukaan serta bersifat mapan. Pemikiran seni bina Melayu moden seperti ini secara tidak lansung akan mengisi kelomongan pemikiran pembangunan identiti seni bina nasional yang dilihat tidak berhubung dengan aspek ini.	7
1.2	Rangkuman perkaitan diantara persoalan dan objektif di dalam tesis ini	9
2.1	Kluster kajian sedia ada terhadap Warisan Seni Bina Melayu	61
2.2	Kedudukan kajian ini di dalam wacana kajian Seni Bina Melayu	64
2.3	Kerangka Teori kajian ini	65
3.1	Hirearki ‘research onion’ seperti yang dikemukakan oleh Saunders, Lewis, & Thornhill (2009)	68
3.2	Hirearki ‘research onion’ diadaptasi ke dalam pembangunan kerangaka metodologi kajian ini	68
3.3	Rekabentuk penyelidikan yang dibentuk dengan mengadaptasi teknik ‘research onion’	69
3.4	Pembentukan soalan temubual yang dirangka berdasarkan objektif kajian	73
3.5	Pengadaptasian model tipologi ‘Current Classicsm’ yang dibangunkan oleh Stern (1988) pada kajian ini.	78
3.6	Bangunan Kajian yang dipilih berdasarkan cadangan arkitek profesional yang ditemubual	83
3.7	Bangunan terkemuka yang dipilih sebagai bangunan kajian berdasarkan kriteria yang telah dibincangkan	84
3.8	Pengadaptasian kaedah penyelidikan Interpretive Historical Research di dalam tesis ini	89
4.1	Tipologi bangunan Melayu tradisional berdasarkan fungsi seperti yang dicadangkan Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi	91
4.2	Parameter modenisasi di Tanah Melayu pada Zaman Kolonial seperti yang dicadangkan Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi	95

4.3	Klasifikasi Seni Bina Melayu Moden Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi	102
4.4	Diagram pemikiran Razin Mahmood terhadap seni bina Melayu tradisional	104
4.5	Diagram pemikiran Razin Mahmood di dalam pembinaan karekter seni bina Melayu moden	114
4.6	Diagram pemikiran Hijjas Kasturi terhadap seni bina Melayu tradisional	120
4.7	Diagram pemikiran Hijjas Kasturi di dalam membina karakter seni bina Melayu moden	127
4.8	Diagram pemikiran Mastor Surat terhadap Seni Bina Melayu Tradisional	130
4.9	Diagram pemikiran Mastor Surat terhadap Seni Bina Melayu Moden	134
5.1	Pendapat pakar seni bina yang ditemubual tentang pembangunan seni bina Melayu moden berdasarkan sosiobudaya masyarakat Melayu moden	140
5.2	Pendapat pakar seni bina yang ditemubual tentang pembangunan rekabentuk seni bina Melayu moden	142
5.3	Tipologi seni bina Melayu moden di Malaysia yang dibina berdasarkan kerangka tipologi current classicism	143
5.4	Model cadangan pendefinisian seni bina Melayu moden	155
6.1	Hubungan di antara objektif kajian dan hasil kajian ini	161

## **SENARAI SINGKATAN**

PAM	Pertubuhan Akitek Malaysia
LAM	Lembaga Arkitek Malaysia
UM	Universiti Malaya
KALAM	Kajian Alam dan Tamadun Melayu
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
ATMA	Institut Alam dan Tamadun Melayu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang kajian

Seni bina Melayu tradisional merupakan salah satu warisan yang sangat berharga di Negara ini. Vlatseas (1998) menyatakan bahawa, dipercayai, semenjak kurun ke-14, seni bina Melayu tradisional telah wujud di tanah Melayu. Ini dapat dilihat melalui kewujudan Istana Sultan Mansyur Shah yang direkodkan di dalam manuskrip ‘Sejarah Melayu’. Ianya berkembang pesat menjelang awal kurun ke-16, selari dengan perkembangan pesatnya kota Melaka. Dari satu sudut pandang, ianya merupakan sebuah binaan yang menepati kehendak setempat di mana binaan ini dibina, iaitu sebuah Negara yang beriklim tropikal. Dari sudut lain pula, seni bina Melayu tradisional ini merupakan sebuah manifestasi pemikiran orang Melayu pada masa itu terhadap pembinaan tatacara kehidupan serta pembinaan karakter bangsa dan kemasyarakatan. Seperti yang dinyatakan oleh Mursib & Mohamad, (1998), seni bina Melayu tradisional telah dicipta oleh generasi terdahulu untuk menepati keadaan sosioekonomi, budaya dan juga keperluan persekitaran pada ketika itu. Pada masa yang sama, seni bina Melayu tradisional ini juga mencerminkan kebijaksanaan, kreativiti dan nilai estetika orang Melayu pada ketika itu. (Mursib & Mohamad, The Basic Malay House, 1998)

Di dalam proses pembangunan negara, Malaysia telah melalui beberapa fasa dan siri peristiwa. Antaranya ialah fasa penjajahan dari negara luar ke atas tanah Melayu pada ketika itu. Penjajahan barat di tanah Melayu secara tidak langsung telah mempengaruhi perkembangan seni bina di Malaysia. Mereka telah membawa masuk bahasa seni bina barat, dan tidak lupa juga pengaruh seni bina Mogul (Raj) dari India yang dibawa masuk oleh British. Sehingga ke satu tahap, pembangunan bangunan seni bina Melayu Tradisional hanya tertumpu di kawasan kampung sahaja. (Vlatseas, 1998)

Selepas perang dunia kedua pula, pengaruh seni bina moden dan seni bina ‘international’ telah mendominasi rekabentuk di Malaysia. Di era ini juga merupakan era kelahiran golongan arkitek awal di Malaysia, yang mana diperkatakan dipengaruhi oleh pemikiran seni bina luar. Salah satu contohnya adalah sebahagian besar golongan arkitek awal di Malaysia yang menuntut di universiti dalam negara Australia. Seperti yang dinyatakan oleh Hegvold(1999), graduan arkitek Malaysia dari Australia yang pulang praktis di Malaysia pada era 1970-an seringkali menzahirkan kesukaran di dalam mengadaptasi bahasa seni bina yang telah dipelajari oleh mereka semasa pengajian ke dalam konteks pembangunan berdasarkan identiti Malaysia. (Hegvold, 1999)

Senario ini secara lazimnya dianggap sebagai salah satu ancaman terhadap pembangunan identiti Negara sebagai sebuah Negara yang kaya dengan tamadun, budaya dan warisan. Ini kerana, majoriti binaan yang mencorak bumi Malaysia pada ketika itu dilihat seakan-akan berbahasa asing, atau dalam erti kata lain seperti dijajah budaya asing. Walhal, Malaysia pada ketika itu telahpun merdeka. Hajeedar Abdul Majid yang merupakan bekas presiden Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) dari tahun 1985 sehingga 1987 yang juga merupakan diantara golongan arkitek profesional yang awal di Malaysia telah membahas dan berkongsi isu yang berkait dengan konflik identiti seni bina di Malaysia. Ketika dalam perbahasanannya di dalam ‘*Merdeka Jubilee Architecture Symposium*’ yang dianjurkan oleh Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) sempena meraikan era 60 tahun pembangunan seni bina di Malaysia pada 2017, beliau telah berkongsi tentang kemelut kecelaran identiti di dalam landskap rekabentuk bangunan di Kuala Lumpur pada era selepas kemerdekaan Malaysia. Menurutnya, menjelang tahun 1970-an, persepsi bahawa bahasa seni bina luar adalah lebih baik berbanding bahasa seni bina tempatan, sehingga menyebabkan terlalu banyak bangunan berwajah pengaruh seni bina luar dibina di Kuala Lumpur. Hal ini membangkitkan kesedaran mengenai identiti malaysian yang semakin lenyap. Sebagai reaksi kepada isu ini, idea dan seruan di dalam pembangunan identiti seni bina nasional dicetuskan, dengan kerjasama di antara arkitek dan juga pihak kerajaan melalui kementerian kebudayaan pada ketika itu. (Majid, 2017)

Wacana pembangunan identiti seni bina nasional ini telah mula dibicarakan seawal tahun 1950-an melalui penerbitan yang bertemakan ‘*towards a Malayan Architecture*’ (ke arah seni bina Malaya). (Morley, 1955; Yong, 1956; Hewish, 1956; Possener, 1957). Wacana tentang isu identiti seni bina di Malaysia ini seterusnya dibahas dengan lebih kritikal oleh Raymond Honey, yang juga berkhidmat sebagai arkitek di ibu pejabat Jabatan Kerja Raya pada ketika itu, dengan membawa tema yang lebih jelas di dalam membangunkan bahasa seni bina ‘*An Architecture for Malaya*’ (seni bina untuk Malaya). (Honey, 1960). Raymond Honey sendiri pada awalnya telah mula merekabentuk bangunan yang mencerminkan identiti Malaya (Malaysia pada hari ini) melalui rekabentuk bangunan Dewan Jubli Intan di Johor pada tahun 1955. Di dalam proses rekabentuk bangunan ini, Gerald Templer yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi kerajaan British ke Tanah Melayu pada ketika itu telah menyarankan Raymond Honey untuk menghasilkan rekabentuk bangunan yang mencerminkan identiti Malaya, bagi meningkatkan semangat kebangsaan rakyat pada ketika itu yang dibayangi krisis penentangan komunis. (Rasdi & Nah, 2009)

Wacana identiti seni bina nasional ini seterusnya dibahas pada peringkat yang lebih meluas di ‘Kongres Kebudayaan Kebangsaan’ pada tahun 1971. Semasa berlangsungnya kongres ini, di dalam ucapannya, Abdul Razak Hussein yang merupakan perdana menteri pada ketika itu telah menyeru agar masyarakat Malaysia pada ketika itu menentukan identiti atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat. (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1973; Musa, 2017). Intipati kongres ini yang mana kemudiannya diadaptasi menjadi polisi kebangsaan berkisar tentang

bagaimana warisan kebudayaan lampau dapat diserapkan di dalam aspek sains dan teknologi di dalam pembangunan negara bangsa, yang mana salah satu cabangnya adalah aspek seni bina. (Ahmad, 2014)

